

PENGAJIAN KENEGARAAN (HNP 3312)

KULIAH 2

Disediakan oleh:

Penyelaras kursus

Jabatan Pengajian Kewarganegaraan & Kemasyarakatan (JPKK)

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Tanjung Malim, Perak

SUKATAN MATA PELAJARAN

PENJAJAHAN KUASA ASING

1. Penjajahan Portugis
2. Penjajahan Belanda
3. Penjajahan British
4. Sabah & Sarawak sehingga 1941
5. Penjajahan Jepun
6. Zaman darurat

PENJAJAHAN KUASA ASING

Penerokaan laluan laut oleh penjelajah barat yang meneroka jalan laut ke timur telah mendedahkan wilayah-wilayah timur yang kaya dengan hasil alam kepada risiko penjajahan. Justeru, sejarah negara telah mencatatkan, terdapat tiga kuasa dari barat dan satu kuasa dari timur pernah menjajah negara.

1. Portugis – 130
tahun
(1511-1641)



2. Belanda – 183
tahun
(1641-1824)




3. British – 129
tahun
(1824-1941 &
1945-1957)



4. Jepun – 3 tahun
8 bulan
(1941-1945)



PENJELAJAHAN PORTUGIS KE DUNIA LUAR



1. Portugis mula menjajah Melaka pada tahun 1511.

2. Faktor penjajahan 3G oleh kuasa barat menjadi antara sebab Melaka dijajah.

3. Pada tahun 1488, Bartholomew Diaz menjadi orang Portugis pertama menemui jalan laut ke timur melalui Afrika Selatan.

4. Diikuti dengan penjelajahan Vasco Da Gama yang tiba di Calicut, India pada tahun 1498.





PENJAJAHAN PORTUGIS DI MELAKA



1. Alfonso De Albuquerque mengetuai pemerintahan Portugis di Melaka.

2. Beliau membina kota 'A Famosa' sebagai pertahanan dari sebarang serangan.

3. Portugis menjalankan pentadbiran ketenteraan di Melaka yang diketuai 'Ketua Kubu Melaka'

4. Ketua angkatan tentera laut dilantik timbalan ketua kubu Melaka.

5. Ketua kubu Melaka dan timbalannya dibantu oleh Majlis Penasihat.

PEMERINTAHAN PORTUGIS DI MELAKA

1. Setiap kapal yang berdagang dikenakan cukai mandatori sebanyak 6-10 peratus dari jumlah pendapatan.



2. Pas perdagangan dikenakan kepada setiap peniaga yang ingin berdagang di Melaka.



3. Portugis mula memonopoli perdagangan utama, mendapatkan dengan harga murah, menjual dengan harga tinggi.



4. Pedagang Islam didiskriminasi oleh Portugis di Melaka.



5. Dalam masa yang sama, perang tiga penjuru antara Aceh, Johor dan Portugis di Melaka berlangsung untuk menguasai perdagangan di kepulauan Melayu.

PENJAJAHAN PORTUGIS DI MELAKA BERAKHIR

1. Pedagang mula kurang senang dengan layanan Portugis di Melaka. Mereka mula beralih ke pelabuhan lain untuk berdagang.

2. Belanda memusuhi Portugis dan menunggu masa yang sesuai untuk menyerang Portugis di Melaka. Gabungan Belanda-Johor akhirnya berjaya menewaskan Portugis.

3. Walaupun menduduki Melaka selama 130 tahun, Portugis gagal meluaskan pengaruh dan kawasan jajahannya. Penyebaran agama Kristian terhadap penduduk setempat juga perlahan.

4. Walaupun begitu, terdapat beberapa kesan jajahan Portugis di Melaka seperti, penggunaan tulisan rumi, kewujudan masyarakat Serani dan penggunaan perkataan Portugis dalam Bahasa Melayu.





PENJAJAHAN BELANDA DI MELAKA



1. Belanda mula tiba di kepulauan Melayu sekitar 1550-an. Mereka mencari bahan-bahan seperti buah pala, cengkih dan rempah.

2. Belanda menubuhkan 'Syarikat Hindia Timur Belanda' (Vereenigde Oost-Indische Compagnie) untuk menguruskan perdagangan mereka.

3. Belanda menguasai Jakarta pada 1619 menyebabkan pelabuhan Melaka mengalami kemerosotan.

4. Gabungan Belanda-Johor berulang kali menyerang Melaka. Akhirnya Belanda berjaya menewaskan Portugis pada 1641.

PERDAGANGAN BELANDA


1. Kapal-kapal yang ingin berdagang di pelabuhan Melaka, diwajibkan untuk mempunyai pas.

2. Selain menguasai perdagangan di pelabuhan Melaka, Belanda juga memonopoli aktiviti perlombongan bijih timah.


3. Mereka menguasai aktiviti perlombongan bijih timah di Sungai Ujung, Perak dan Selangor dengan menandatangani perjanjian dengan sultan-sultan negeri tersebut.




PENJAJAHAN BRITISH




1. Jumlah pedagang British semakin ramai pada tahun 1730-an kerana aktiviti perlombongan bijih timah yang rancak terutama di Selangor.




2. Saban tahun, jumlah kapal pedagang British semakin meningkat jumlahnya.



3. Pada ketika itu, banyak kawasan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu dikuasai Belanda.



4. Pada tahun 1795, Belanda terpaksa meninggalkan Tanah Melayu buat seketika untuk memberi tumpuan kepada urusan politik negara mereka yang tidak stabil.



5. British dan Belanda membuat perjanjian melalui 'Surat Kew'. British akan menjaga tanah jajahan Belanda di Timur dan akan menyerahkan kembali kepada Belanda apabila keadaan stabil.

BRITISH MELUASKAN PENGARUHNYA (Masuk campur dalam politik setempat yang tidak stabil)

1. Pulau pinang (1771 –
Francis Light)

2. Singapura (1819 –
Stamford Raffles)

3. Perjanjian British-
Belanda (1824 –
Memecahkan kawasan
jajahan kepada dua dan
menjadi sebab wujudnya
negara Malaysia dan
Indonesia hari ini).

BRITISH MELUASKAN PENGARUHNYA (Menguasai negeri-negeri yang kaya hasil bumi)

1. Perak-Perjanjian Pangkor 1874

Perselisihan kongsi gelap Cina, Ghee Hin dan Hai San.

2. Selangor

Isu kutipan cukai. British anggap ia seperti rompakan.


3. Sungai Ujung (N. Sembilan)

Pembesar setempat berkelahi hal mengutip cukai. British masuk campur.

4. Pahang

Isu perebutan tampuk pemerintahan. British masuk campur sebagai orang tengah.


BRITISH MEWUJUDKAN SISTEM RESIDEN 1895




1. Apabila British berjaya menguasai sebahagian dari negeri di semenanjung, mereka mewujudkan sistem residen.

2. Sistem ini membolehkan British mengawal hal berkaitan pentadbiran dan ekonomi negeri yang dikuasai.

NEGERI SELAT (Singapura, Pulau Pinang & Melaka)




1. Apabila menandatangani perjanjian dengan Belanda, British mula menduduki Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.



2. Negeri-negeri tersebut dikategorikan sebagai negeri-negeri selat kerana kedudukan geografi dan kebergantungan kepada air (selat)

NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NMB) (Perak, Selangor, Negeri Sembilan & Pahang)




1. Diwujudkan pada 1 Julai 1896 melalui Perjanjian Wilayah Persekutuan dengan meletakkan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang di bawah pentadbiran Negeri Melayu Bersekutu (NMB).


2. NMB diketuai oleh seorang Residen Jeneral yang berpusat di Kuala Lumpur. Residen Jeneral yang pertama ialah Frank Sweetenham.

3. NMB diwujudkan kerana (a) masalah kewangan di Pahang (b) kelemahan system residen (c) mengurangkan kos pentadbiran


NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU (NMTB) (Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis & Johor)



1. British dan Siam menandatangani Perjanjian Siam 1909.



2. Perjanjian tersebut membolehkan empat negeri di semenanjung, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis diserahkan kepada British.




3. British menempatkan seorang penasihat kepada sultan dalam hal pentadbiran. Johor adalah negeri terakhir menerima penasihat pada tahun 1914.

NEGERI SELAT (NS - MERAH), NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NMB - KUNING) & NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU (NMTB - KELABU)



DASAR PEMUSATAN KUASA 1920-1941

Dasar ini diwujudkan kerana terdapat masalah yang timbul dalam sistem pentadbiran yang diwujudkan British.



1. Sultan-sultan dari NMB tidak berpuas hati kerana kehilangan kuasa.

2. British mahu meletakkan NMB, NMTB dan NS di bawah satu pentadbiran.

3. British ingin mengurangkan kos pentadbiran di Tanah Melayu.

4. Masalah berkaitan perebutan jawatan antara residen dan pesuruhjaya tinggi.

SISTEM PENTADBIRAN YANG DILAKSANAKAN OLEH BRITISH DI TANAH MELAYU

Sistem	Tahun perlaksanaan	Negeri yang terlibat
Sistem residen	1874-1889	Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
Negeri Selat (NS)	1826	Pualu Pinang, Singapura dan Melaka.
Negeri Melayu Bersekutu (NMB)	1896	Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB)	1909-1919	Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor.
Pemusatan Kuasa	1920-1941	Semua negeri-negeri di semenanjung.

SABAH SEHINGGA 1941

1. Sebelum kedatangan penjajah, Sabah merupakan salah sebuah kawasan jajahan Kesultanan Brunei.

2. Sejak dari itu, Sabah sudah mempunyai hubungan perdagangan dengan dunia luar seperti China.

3. Pada tahun 1881, Sabah diambil alih oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara (North Borneo Chartered Company).

4. Pada tahun 1888, Sabah menjadi salah sebuah negeri naungan British.

5. Hal tersebut berterusan sehinggalah Perang Dunia Kedua meletus.

SARAWAK SEHINGGA 1941

1. Sejarah awal Sarawak menunjukkan negeri ini pernah berada di bawah pengaruh kerajaan Srivijaya, Majapahit dan Brunei.

2. Pada abad ke-19 ketika di bawah pengaruh Brunei, berlaku penentangan oleh rakyat di Sarawak yang ingin bebas dari Brunei.

3. Brunei menghantar wakil ke Sarawak namun tidak berjaya, Brunei akhirnya meminta James Brooke membantu.

4. James Brooke yang mempunyai kekuatan tentera berjaya, beliau dilantik menjadi gabenor di Sarawak dan seterusnya menjadi rajah (raja).

5. Pemerintahan keluarga Brooke diteruskan Charles Brooke dan Charles Vyner Brooke sehinggalah Perang Dunia Kedua meletus.

REAKSI MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP PENJAJAHAN BRITISH

- 
-
- 1. Rakyat telah memberikan reaksi sebagai tanda penentangan apabila British mewujudkan sistem pemerintahan mereka untuk mentadbir negeri-negeri di semenanjung.

- 
-
- 2. Rakyat ingin membebaskan negeri mereka dari cengkaman penjajah. Walaupun corak pemerintahan British di Tanah Melayu bersifat tidak langsung (indirect) namun penguasaan secara total terhadap ekonomi membuatkan kehidupan rakyat terhimpit.

- 
-
- 3. Maka, muncullah pejuang-pejuang di negeri-negeri seperti Perak, Pahang, Kelantan, Sarawak, Sabah dan Naning yang bangkit ingin membebaskan negeri mereka dari cengkaman penjajah.

PEJUANG YANG BANGKIT BERJUANG MEMBEBAS NEGERI MEREKA DARI CENGKAMAN BRITISH

Negeri	Pejuang
Naning	Dol Said
Perak	Dato' Maharajalela, Dato' Sagor
Pahang	Dato' Bahaman, Mat Kilau, Tok Gajah
Kelantan	Tok Janggut
Sarawak	Rentap, Sharif Masahor, Abdul ghapur, Banting, Asun
Sabah	Mat Salleh, Antanum



PENJAJAHAN JEPUN



1. Kerajaan Jepun mula dipengaruhi oleh sistem ketenteraan sejak 1932. hal ini menyebabkan angkatan tentera Jepun menjadi kuat. Ini terbukti apabila mereka mampu menyerang China pada 1937.

2. Jepun juga terlibat dalam kancah Perang Dunia Kedua kerana faktor untuk mendapatkan bahan mentah.

3. Semasa Perang Dunia Kedua, Jepun membuat pakatan bersama Itali dan Jerman sebagai 'Kuasa Paksi' (*Axis Forces*) untuk melawan pakatan British, Amerika, Perancis dan Soviet Union sebagai 'Kuasa Berikat' (*Allied Forces*).

KUASA-KUASA BESAR YANG BERPERANG SEMASA PERANG DUNIA KEDUA

KUASA BERIKAT *(Allied Forces)*

- British
- Perancis
- Soviet Union
- Amerika

KUASA PAKSI *(Axis Forces)*

- Jerman
- Itali
- Jepun

THE 2 SIDES

The Axis



Japan



Italay



Germany

VS.

The Allies




France



America



Britain



Soviet Union

TENTERA JEPUN MENYERANG SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Dis 1941 dan berjaya menawan keseluruhan semenanjung pada Feb 1942.



JEPUN MENYERANG SABAH & SARAWAK

1. Jepun mula mendarat di Miri pada 16 Disember 1941, Kuching di bom pada 24 Disember 1941 dan Sibu ditawan Jepun pada 27 Disember 1941. Pada waktu itu, Raja Brooke Sarawak sudah berada di Australia.

2. Jepun mendarat di Pulau Labuan pada 1 Jan 1942. Seluruh bahagian Borneo Utara ditawan Jepun pada 16 Mei 1942.



FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN JEPUN

1. British kurang bersedia dan menyangka Jepun akan menyerang melalui Singapura.

2. Bantuan ketenteraan lewat tiba dari London dan India.


3. Jepun memulakan serangan melalui laut, bukan udara. Justeru jangkaan British meleset.

4. Jepun bersedia lebih awal dengan membuat persiapan seperti membuat intipan.

5. Tentera Jepun cukup terlatih, berpengalaman, bersemangat tinggi dan mempunyai taktik perang yang lebih baik.

PENTADBIRAN JEPUN

Apabila tentera Jepun Berjaya menawan seluruh semenanjung dan Borneo, jepun menjalankan pentadbiran ketenteraan. Hal tersebut kerana:



CORAK PENTADBIRAN KETENTERAAN JEPUN

1. Pentadbiran Tanah Melayu dikenali sebagai *Malai Baru*. Diketuai soerang presiden, *Gunseikan*.

2. Pentadbiran setiap negeri diketuai seorang gabenor Jepun atau *Syuchokan*.

3. Singapura dikenali sebagai *Syonan*.

4. Negeri Kelantan, Terangganu, Perlis dan Kedah diserahkan kepada Siam pada Ogos 1943.

KESAN-KESAN PENDUDUKAN JEPUN

Sosial

- Etnik Cina ditindas dengan teruk dan Jepun memusuhi mereka. Etnik Melayu pula diberikan peluang pekerjaan dalam pentadbiran.
- Penduduk mengalami masalah makanan kerana kekurangan makanan berkhasiat.

Ekonomi

- Nilai mata wang negara jatuh teruk.
- Harga barang keperluan melambung.
- Perusahaan bijih timah dan getah negara terjejas teruk.

Politik

- Semangat nasionalisme rakyat dan kesedaran politik mula bangkit.
- Rakyat mula sedar bahawa British tidaklah sehebat mana.
- Etnik Cina mula aktif menyertai Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menentang Jepun.

BERAKHIRNYA PENTADBIRAN JEPUN

1. Hiroshima dan Nagasaki di bom Amerika pada 15 Ogos 1945. Jepun tewas pada Perang Dunia Kedua dan berundur dari semua kawasan yang dijajah.

2. British kembali ke Tanah Melayu pada September 1945 dan pada waktu itu, Komunis cuba mengambil kesempatan memerintah negara.

3. Dalam tempoh 14 hari, seluruh negara kacau bilau dengan keganasan Komunis.

4. Hal ini menyebabkan British mengisytiharkan darurat selama 12 tahun (1948-1960) untuk melawan Komunis.

ZAMAN DARURAT (ZAMAN KOMUNIS) 1948-1960



**"Mulai 31 Ogos 1957, (kita)
akan menjadi sebuah negara
berdaulat dan demokratik
untuk selama-lamanya, yang
dibina berdasarkan prinsip
kebebasan dan keadilan serta
sentiasa memperjuangkan
kebajikan dan kesejahteraan
rakyatnya"**





**PERDANA MENTERI
DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MEMPERKENALKAN PENDEKATAN
'KELUARGA MALAYSIA'
DENGAN MENGAJAK RAKYAT PELBAGAI
AGAMA, BANGSA DAN KAUM BERSAMA-SAMA
UNTUK MEMULIHKAN SEMULA KEADAAN
NEGARA INI.**

Sumber : BERNAMA



